



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

**(SIRI 6/2021) HUKUM MENJALANI UJIAN SARINGAN PERUBATAN
(*NASOPHARYNGEAL SWAB*) COVID-19 KETIKA BERPUASA DI BULAN
RAMADHAN**

Merujuk keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-3 yang bersidang pada 21 April 2020 mengenai Hukum Menjalani Ujian Saringan Perubatan COVID-19 (*Nasopharyngeal Swab*) ketika berpuasa di bulan Ramadhan maka Jabatan Mufti Negeri Kedah berpandangan seperti berikut :

1. Prosedur saringan untuk mengesan penyakit COVID-19 dengan mengambil sampel lendir (mukus) yang berada di dalam kawasan hidung sehingga ke kawasan rongga hidung paling atas (*nasopharynx*) dan kawasan rongga mulut hingga ke kawasan anak tekak (*oropharynx*) di siang hari bulan Ramadan adalah **tidak membatalkan puasa**.
2. Ini berdasarkan pandangan dan penjelasan daripada doktor pakar bahawa proses pengesanan secara *swab* iaitu alat yang dimasukkan ke dalam mulut **tidak sampai kepada kawasan anak tekak (الحلق)** yang boleh membatalkan puasa. **Demikian juga alat yang dimasukkan ke dalam kawasan hidung yang tidak sampai ke pangkal hidung boleh membatalkan puasa**. Bagaimanapun, jika proses pengesanan penyakit tersebut dilakukan di malam hari adalah lebih baik.
3. Bagi pesakit positif COVID-19 yang **dalam pemantauan dan memerlukan pengambilan ubat-ubatan** maka mereka **diharuskan untuk tidak berpuasa**. Oleh itu, mereka **hendaklah menggantikan puasa mengikut bilangan hari yang ditinggalkan itu**. Sementara pesakit yang **dalam**

pemantauan tetapi tidak memerlukan pengambilan ubat-ubatan maka mereka **diwajibkan** melaksanakan ibadah puasa seperti kebiasaan.

4. Bagaimanapun, sekiranya dengan melaksanakan puasa akan menambahkan lagi kemudharatan kepada diri mereka maka dalam kondisi ini mereka **diharuskan tidak berpuasa** (dengan syarat atas nasihat pakar perubatan). Oleh itu, **mereka hendaklah menggantikan puasa mengikut bilangan hari yang ditinggalkan itu.**

TARIKH KEPUTUSAN : 26 APRIL 2020